

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL
[LEMBAH PANTAI]**

SOALAN

TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL [LEMBAH PANTAI] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan senarai kes siasatan dan dakwaan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 ikut pecahan tahun 2018 sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Antara tahun 2018 sehingga September 2021, sebanyak **564** kes telah disiasat di bawah Seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan **24** kes telah dihadapkan ke mahkamah.

Daripada jumlah tersebut, 171 kes disiasat adalah bagi tahun 2018 dengan 9 kes didakwa, 156 kes disiasat adalah bagi tahun 2019 dengan 8 kes didakwa, 189 kes disiasat adalah bagi tahun 2020 dengan 7 kes didakwa dan 48 kes disiasat adalah bagi tahun 2021 sehingga 30 September dan tiada kes didakwa.

Walau bagaimanapun, senarai kes siasatan dan pendakwaan dari 2018 sehingga kini tidak dapat diberikan kerana terdapat kes-kes yang masih lagi dalam siasatan dan proses perbicaraan.